

Modul Pembelajaran Bahasa Arab Prasekolah: Suatu Analisis Keperluan

Preschool Arabic Language Module: An Analysis of Needs

Awatif Abdul Rahman¹, Norfaezah Mohd Hamidin², Siti Nurhajariah Md Isa³ & Idi Hamdi⁴

Terima 18 SEPTEMBER 2017	Wasit 08 MEI 2018
-----------------------------	----------------------

ABSTRAK

Pendidikan prasekolah telah mendapat tempat sewajarnya dalam sistem pendidikan di Malaysia. Kedudukan bahasa Arab juga mendapat tempat sewajarnya dalam pendidikan prasekolah apabila disenaraikan sebagai sub ilmu pendidikan Islam dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Situasi ini menjadikan bahasa Arab antara ilmu yang wajib diajar di peringkat prasekolah. Namun penawaran bahasa Arab di peringkat prasekolah dilihat tidak seragam. Prasekolah yang berada di bawah seliaan kerajaan persekutuan bahasa Arab hanya diajar sebagai sub ilmu sahaja. Namun di bawah seliaan kerajaan negeri dan institusi swasta bahasa Arab diajar sebagai suatu subjek khas. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti keperluan, kekurangan dan kehendak dalam pembinaan modul bahasa Arab di peringkat prasekolah. Kajian yang dijalankan secara kualitatif melalui temubual ini telah menemukan lima tema yang menjadi dasar dalam pembinaan modul bahasa Arab. Dapatan kajian menunjukkan keperluan bagi pembinaan modul bahasa Arab di peringkat prasekolah adalah sebagai asas dan persediaan bagi menduduki tahun satu di peringkat rendah dan untuk pembelajaran agama dan Al-Quran.

Kata kunci: Modul Pembelajaran, Bahasa Arab, Pendidikan Prasekolah, Analisis Keperluan

ABSTRACT

Pre-school education has earned the right place in the Malaysian education system. The Arabic language position is also well-deserved in pre-school education when listed as a sub-Islamic education sub-discipline in the National Pre-School Standard Curriculum (KSPK). This situation creates Arabic language among the compulsory subjects taught at the preschool level. But the offering of Arabic language at pre-school level is not uniform. Preschools under the supervision of the Arab federal government are only taught as sub-disciplines. But under the supervision of the state government and the private institutions of Arabic is taught as a special subject. Therefore, the objective of this study is to identify the needs, shortcomings and requirements in the construction of Arabic modules at pre-school level. A qualitative study through this interview has found five themes that form the basis for the construction of Arabic language modules. The findings show that the need for the construction of the Arabic language modules at pre-school level is as a base and preparation for the first year of primary education and for religious and Quranic learning.

Keywords: Learning Module, Arabic, Preschool Education, Need Analysis

¹ Awatif Abdul Rahman, Sarjana Pendidikan Bahasa Arab, Jabatan Bahasa & Pembangunan Insan, Pusat Pengajian Teras, KUIS, awatif@kuis.edu.my

² Norfaezah Mohd Hamidin, PhD, Jabatan Bahasa & Pembangunan Insan, Pusat Pengajian Teras, KUIS, norfaezah@kuis.edu.my

³ Siti Nurhajariah Mat Isa, Calon PhD, SAMTTengku Ampuan Jemaah, Shah Alam, nurhajariah@samttaj.edu.my

⁴ Idi Hamdi, Calon PhD, Jabatan Bahasa & Pembangunan Insan, Pusat Pengajian Teras, KUIS, idihamdi@kuis.edu.my

Pendahuluan

Pendidikan prasekolah merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan di Malaysia. Kementerian pendidikan Malaysia (KPM) melalui Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan pendidikan prasekolah sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan di Malaysia. Pendidikan prasekolah membolehkan kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun menikmati pengalaman pembelajaran lebih awal sebelum memasuki tahun satu di pendidikan rendah. Terdapat dua jenis prasekolah di Malaysia, prasekolah di bawah seliaan kerajaan dan swasta. Kini, prasekolah berlatar belakang Pendidikan Islam menjadi pilihan para ibu bapa. Hal ini kerana kesedaran para ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan berasaskan Islam kepada anak-anak mereka. Penekanan mereka terhadap pendidikan berasaskan Islam ini diterapkan mulai anak-anak mereka memasuki alam prasekolah. Bahasa Arab merupakan antara subjek yang diajar di peringkat prasekolah yang berasaskan Islam. Peluang ini patut diambil oleh golongan yang memahami kepentingan bahasa Arab kepada pendidikan kanak-kanak. Menurut Amini Amir Abdullah (2014) bahawa Islam memberi panduan kepada ibu bapa dan para guru untuk memberi keutamaan kepada pendidikan iman dan Tauhid, ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah dalam mendidik anak-anak mereka. Dengan pendidikan Islam, anak-anak akan dilindungi oleh Allah dalam seluruh hidup mereka. Para pendidik dan ibu bapa perlu menitikberatkan perkara ini sewajarnya supaya makna dan falsafah pendidikan dapat dipupuk dalam jiwa mereka dan oleh itu mereka menjadi seorang Mukmin yang sejati. Justeru, tegasnya kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang kepentingan pendidikan awal kanak-kanak bermula dari peringkat prasekolah. Melihat kepada keperluan ini, suatu tinjauan berkaitan keperluan bagi membangunkan modul bahasa Arab di peringkat prasekolah perlu dilaksanakan.

Penyataan Masalah

Isu-isu berkaitan pencapaian, sikap, motivasi, minat, latar belakang dan lain-lain seringkali dibincang di setiap peringkat pendidikan. Kajian yang dilaksanakan oleh Norfaezah Mohd Hamidin (2016) berkaitan persepsi pelajar, guru dan ibubapa terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di tiga buah sekolah jenis Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di negeri Selangor menunjukkan bahawa pelajar yang memperolehi keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) bagi subjek Bahasa Arab mempunyai asas bahasa tersebut di peringkat prasekolah. Norfaezah Hamidin (2016) telah mencadangkan untuk mewujudkan modul Bahasa Arab bagi peringkat pendidikan prasekolah. Hal ini selaras dengan dapatan Zamri Ariffin *et al.* (2014) yang menegaskan bahawa kegagalan dan kemerosotan dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia adalah disebabkan oleh faktor sikap. Sikap yang positif akan membawa kepada satu tindakan yang positif dan begitulah sebaliknya.

Masyarakat kini berlumba-lumba menghantar anak mereka ke prasekolah bertemakan pendidikan Islam seperti Dzul Iman, PASTI, Islamic Montessori, Genius Aulad dan Little Caliphs (Norfaezah, 2016). Namun belum ada sehingga kini kurikulum yang seragam dan standard bagi menyokong hasrat murni para ibu bapa agar anak-anak mereka terdidik dengan pendidikan Islam melalui pengantara bahasa Arab. Kebanyakan prasekolah sedia ada menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua walaupun menekankan aspek pendidikan Islam, sedangkan agama Islam tidak boleh dipisahkan dengan bahasa Arab (Norfaezah, 2016). Rentetan daripada itu, kewujudan modul Bahasa Arab yang lengkap dan bersepadu di peringkat prasekolah dilihat kurang mendapat perhatian.

Situasi ini melihat kepada permasalahan yang timbul berdasarkan temubual awal pengkaji yang dilakukan pada September 2017 dengan guru yang mengajar di tadika Dzuliman telah menyatakan bahawa perlu kepada modul khusus bahasa Arab bagi peringkat prasekolah dan bahan-bahan pengajaran juga sukar didapati di pasaran. Jadi, dalam situasi ini antara permasalahan yang timbul adalah keperluan modul bahasa Arab prasekolah yang standard di mana boleh dianggap sebagai faktor dalaman dan sokongan ibubapa sebagai faktor luaran atau komuniti yang boleh membantu keseimbangan perkembangan potensi kanak-kanak di peringkat prasekolah.


Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan data berkaitan keperluan dan spesifikasi modul yang akan dibangunkan. Kajian ini secara spesifik berobjektifkan untuk mengenalpasti keperluan dalam pembinaan modul bahasa Arab di peringkat prasekolah.

Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini menggunakan teori analisis keperluan yang dibawa oleh Hutchinson & Waters (1987). Berdasarkan Rajah 1, dapat dilihat fokus kajian ini tertumpu kepada keperluan modul dan keperluan guru berdasarkan konteks keperluan, kekurangan dan kehendak.

Rajah 1: Analisis Keperluan Modul Bahasa Arab di Peringkat Prasekolah



Diubahsuai daripada Hutchinson & Waters 1987

Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan guru prasekolah yang mengajar bahasa Arab di daerah Hulu Langat sahaja. Kajian ini terbatas kepada analisis keperluan bagi tujuan pembangunan modul bahasa Arab sahaja.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan temubual sebagai kaedah dalam kajian ini. Kaedah temubual separa berstruktur digunakan untuk mendapatkan data kualitatif. Data

kualitatif penting untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat kerana data kualitatif dapat membantu pengkaji memahami sesuatu fenomena dengan lebih terperinci kerana maklumat yang diberikan oleh peserta kajian yang dipilih mungkin tidak dapat diperolehi daripada individu lain. Bagi mendapatkan data temu bual, pengkaji telah menyediakan protokol temu bual separa berstruktur yang terdiri daripada soalan-soalan temu bual.

Lokasi kajian

Kajian ini berfokus kepada daerah Hulu Langat sebagai lokasi kajian. Pemilihan lokasi dibuat berdasarkan kriteria peserta yang dipilih secara bertujuan. Pengkaji mengenal pasti prasekolah berdasarkan senarai yang diterima daripada KEMAS, PASTI dan Prasekolah JAIS. Kajian ini melibatkan tiga orang guru prasekolah daripada tiga jenis prasekolah berbeza di daerah Hulu Langat.

Instrumen Kajian

Kaedah temu bual separa berstruktur telah digunakan bagi mendapatkan data daripada peserta kajian. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual secara bersemuka yang dibuat secara individu untuk mendapatkan data kualitatif. Noraini (2010) menyatakan bahawa data temu bual merupakan proses mendapatkan data dan maklumat secara langsung dan kedua-dua responden dan pengkaji mesti ada semasa proses temu bual. Temu bual secara individu adalah lebih berkesan kerana setiap responden memberi pendapat yang berguna daripada perspektif berbeza (Chua, 2006). Transkrip temu bual yang disahkan kemudiannya dianalisis menggunakan indeks. Proses mengindeks transkrip dilakukan dengan melabelkan kod. Hasil analisis data dibuat dengan memerihalkan semua maklumat atau mencari kekerapan tema daripada setiap kategori sehingga lima tema dihasilkan. Bagi memudahkan pemahaman, semua tema ini dirumuskan dalam jadual untuk melihat frekuensi atau kekerapan maklumat yang diperolehi daripada guru. Selain mendapatkan tema, maklumat yang diperolehi daripada transkrip juga digunakan untuk mendapatkan spesifikasi model pembinaan modul bahasa Arab. Menurut Richey dan Klein (2007), maklumat dalam analisis keperluan digunakan untuk menentukan kandungan bahan instruksi secara optimal dan kaedah penyampaian pengajaran, bagi memenuhi tujuan ini, maklumat daripada transkrip temu bual disemak dan dibandingkan bagi mendapatkan kekerapan maklumat dan makna yang sama supaya data mudah difahami.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Salah satu cara untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data kualitatif adalah melalui pengesahan terhadap data yang dikutip (Bokdan dan Biklen, 2003). Pengkaji seterusnya menilai kebolehpercayaan tema temu bual dengan menentukan kaedah Indeks Cohen Kappa (ICK), iaitu nilai penentuan darjah persetujuan pengkodan yang dilakukan oleh pakar bidang. ICK diperkenalkan oleh Jacob Cohen (1960) bagi menentukan kebolehpercayaan data kualitatif. ICK bertujuan untuk mencari darjah persetujuan unit analisis dengan tema atau konstruk yang dikaji, dibuat dengan memadankan unit daripada data temu bual dengan tema-tema yang dominan dalam sesuatu data kualitatif seperti dalam temu bual (Zamri dan Noriah, 2003). Secara asasnya Cohen yang memperkenalkan ICK mengatakan bahawa kebolehpercayaan data kualitatif yang dikategorikan mengikut tema

boleh ditentukan berdasarkan darjah persetujuan beberapa pakar penilai. ICK diperoleh daripada formula berikut:

$$K = \frac{fa - fc}{N - fc}$$

Petunjuk:

fa = unit persetujuan

fc = 50 peratus jangkakan persetujuan

N = bilangan unit (tema) yang diuji nilai persetujuan

Nilai indeks (K) dirujuk kepada Skala Persetujuan Cohen Kappa seperti jadual berikut:

Jadua 1: Skala Persetujuan Cohen Kappa

Nilai Kappa	Skala Persetujuan
Bawah 0.00	Sangat Lemah
0.00-0.20	Lemah
0.21-0.40	Sederhana Lemah
0.41-0.60	Sederhana
0.61-0.80	Baik
0.81-1.00	Sangat Baik

Dalam konteks kajian ini, pengkaji memilih dua pakar penilai yang mengetahui cara pengiraan Cohen Kappa untuk menilai tahap persetujuan tema temu bual untuk menentukan kebolehpercayaan data. Pakar ini terdiri daripada pakar pendidikan bahasa Arab prasekolah dan pakar pendidikan bahasa Arab. Setelah tema-tema dinilai, pengkaji mengira nilai persetujuan pakar untuk memperoleh nilai ICK. kemudian, data pemerhatian dan temu bual dianalisis secara deskriptif mengikut tema dominan yang ditemui. Hasil pengiraan Cohen Kappa terhadap dua pakar bidang menunjukkan purata persetujuan pekali Cohen Kappa adalah baik. Jadual menunjukkan hasil pengiraan Cohen Kappa terhadap persetujuan pakar.

Jadual 2: Hasil Pengiraan Cohen Kappa terhadap Persetujuan Pakar

Pakar Bidang	Nilai Persetujuan Pekali Cohen Kappa	Purata Persetujuan Pekali Cohen Kappa
Pakar 1	0.7	0.75
Pakar 2	0.8	

Nilai pengiraan Cohen Kappa terhadap persetujuan pakar menunjukkan purata 0.75. Berdasarkan skala interpretasi Cohen Kappa yang dicadangkan oleh Landis dan Koch (1977) nilai ini menunjukkan purata persetujuan baik terhadap tema yang dihasilkan.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian berdasarkan soalan temubual pengkaji bersama tiga responden iaitu bersama responden 1, guru Tabika KEMAS, Bandar Seri Putra; responden 2, guru JAIS Hulu Langat, Selangor dan responden 3, guru PASTI di Bandar Bukit Mahkota. Soalan temubual terdiri daripada 9 soalan. Berdasarkan analisis data temubual yang telah dilaksanakan, tema dan subtema telah disusun mengikut objektif kajian;

Objektif 1: Keperluan Pembinaan Modul Bahasa Arab di Peringkat Prasekolah

Sebagai Asas dan Persediaan Bagi Menduduki Tahun Satu di Peringkat Rendah

Berdasarkan temubual daripada ketiga-tiga orang guru di prasekolah KEMAS, JAIS dan PASTI, majoriti mengatakan tujuan belajar Bahasa Arab di peringkat prasekolah itu amat perlu dan penting kerana ia adalah asas dan persediaan bagi memasuki tahun satu di peringkat sekolah rendah dan perlu dipelajari sejak kecil lagi.

“...memang pentinglah Bahasa Arab ni diajar semasa di Pra-Sekolah lagi kerana untuk melangkah ke tahun satu dia mesti ada asas Bahasa Arab” R1 B4

“...tapi yang saya tahu aa di SRA ada belajar Bahasa Arab aaa jadi bila masuk aa aa bila dia akan naik ke SRA sekurang-kurangnya dia dah kenal diperingkat prasekolah dia dah didedahkan dengan Bahasa Arab...” R1 36

“...bila tengok buku Bahasa Arab ni aaa nak bersesuaian dengan bila mereka nak masuk alam aa di sekolah rendah ataupun terutamanya diperingkat SRA aa saya akan buat di SRA...” R2 B38

Dapatan ini selari dengan kajian Norfaezah Mohd Hamidin (2016) berkaitan persepsi pelajar, guru dan ibubapa terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di tiga buah sekolah jenis Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di negeri Selangor menunjukkan bahawa pelajar yang memperolehi keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) bagi subjek Bahasa Arab mempunyai asas bahasa bermula di peringkat prasekolah. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Zuraidah (2006) dalam Nik Murshidah & Normila (2011) bahawa J-QAF ialah singkatan daripada perkataan Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain dan setiap aksara yang digunakan menggambarkan objektif dan matlamat yang hendak dicapai. J-QAF merangkumi empat objektif utama yang telah digubal untuk dilaksanakan di peringkat permulaan, iaitu kemampuan membaca dan menulis jawi, khatam al-Quran sebelum tamat darjah enam, mampu menguasai asas Bahasa Arab, serta mampu mengetahui hukum-hukum asas Fardhu Ain dan menghayatinya dalam kehidupan (Nik Murshidah & Normila Noruddin, 2011). Justeru, dapatan daripada temubual ini menjawab objektif kajian bahawa selain pelajar dapat menguasai tiga M iaitu membaca, menulis dan mengira, keperluan pengajaran bahasa Arab di peringkat prasekolah juga adalah sebagai asas dan persediaan bagi sekolah rendah bagi persediaan pelajar terhadap subjek pendidikan Islam dan Bahasa Arab.

Untuk Tujuan Pembelajaran Agama dan Al-Quran

Dapatan temubual juga mendapati, antara tujuan belajar Bahasa Arab adalah untuk belajar agama dan Al-Quran. Majoriti bersetuju bahawa, Bahasa Arab itu adalah Bahasa Al-Quran dan sebagai alat untuk belajar agama. Melalui pembelajaran Bahasa Arab dapat menarik lebih minat pelajar kerana kaitan Bahasa Arab itu dengan Al-Quran.

“...Orang kata perlu lah untuk kita mendalami Bahasa Arab ni. Dalam kita nak ada orang kata nak belajar agama tu pun ada Bahasa Arab kan aaa...” R1 B221

“...saya akan terapkan dengan dengan anak-anak murid saya sebab Bahasa Arab ni memang aaa bahasa Al-quran...” R1 B188

Dalam Dokumen Standard Bahasa Arab Tahun Satu (2010), dinyatakan objektif pembelajaran bahasa Arab di peringkat rendah dinyatakan sebagai untuk menyemai kecenderungan pelajar dalam mempelajari asas bahasa Arab dan menguasai kemahiran bahasa komunikasi di samping kemampuan untuk berkomunikasi dengan yang lain

dengan menggunakan bahasa Arab mudah. Lantaran keperluan untuk mengikuti kursus ini bagi pelajar yang beragama Islam di peringkat rendah, kesediaan pelajar di peringkat prasekolah dilihat perlu diperluas. Melalui Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSPK (2016) penekanan kepada pendidikan bahasa Arab tertumpu kepada penguasaan asas Al-Quran. Bahagian Pendidikan Islam JAIS telah menetapkan matlamat pelaksanaan pendidikan sebagai: “Memberi pendidikan Islam kepada semua individu muslim di negeri Selangor supaya berilmu, beriman, beramal, berakhlak mulia dan berketrampilan berasaskan nilai Islam, bagi melahirkan muslim bertaqwa untuk mendapat keredhaan Allah SWT” (Kertas Dasar dan Hala Tuju Pendidikan Islam JAIS, 2016). Prasekolah JAIS menetapkan tempoh pembelajaran dua hingga tiga tahun pembelajaran dengan memberikan pengajaran Al-Quran, fardhu ain dan asas Bahasa Arab. Dengan mempelajari Pendidikan Islam, pembentukan akhlak dan tingkah laku dapat dibentuk melalui nilai-nilai yang diterapkan melalui pendekatan ayat-ayat al-Quran. Proses *pentarbiyahan* kanak-kanak seharusnya dimulai dari awal kelahiran hinggalah mereka meningkat dewasa. (Nor Fauzian 2015). Perkara yang sama ditegaskan oleh Nurul Akhma et. al (2015) yang mengatakan bahawa pendidikan awal kanak-kanak menurut perspektif Islam sangat berkait rapat dengan ibu bapa yang mendidik mereka. Apa yang paling penting dalam pendidikan awal anak-anak ialah ibu bapa dan keluarga merupakan pengaruh yang paling besar kepada perkembangan anak-anak dari kecil sehingga dewasa. Justeru, ibu bapa merupakan salah satu fungsi utama bagi melakar dan mencorak generasi yang ingin dibina dalam institusi keluarga seterusnya menyokong kesinambungan pembinaan generasi peradaban bangsa dan negara akan datang.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, hasil daripada analisis keperluan dalam pembinaan modul bahasa Arab di peringkat prasekolah mendapati antara keperluan utama adalah sebagai asas dan persediaan sebelum menduduki tahun satu di peringkat rendah. Hal ini bermaksud, keperluan bagi membina satu modul Bahasa Arab di peringkat prasekolah perlu standard dan diseragamkan bagi mendokong kecapaian dan kecenderungan potensi kanak-kanak seiring dengan kurikulum di sekolah rendah. Begitu juga antara keperluan lain adalah untuk tujuan pembelajaran agama dan al-Quran. Justeru, dicadangkan satu keperluan bagi ibu bapa agar membuat pilihan dalam penempatan prasekolah yang berada di komuniti yang menawarkan pembelajaran pendidikan Islam dan Bahasa Arab sebagai salah satu subjek teras dalam kurikulum prasekolah tersebut. Hal ini kerana pengajaran al-Quran dan akhlak akan ditekankan secara langsung kepada kanak-kanak bermula seawal empat tahun. Di samping pendidikan secara tidak langsung melalui akhlak dan sikap ibu bapa di rumah yang dididik sejak anak di dalam kandungan lagi. Semua pihak bertanggungjawab untuk memberi pendidikan yang terbaik kepada kanak-kanak sebagai pelapis masa depan Negara. Sudah terbukti tentang keperluan bahasa Arab kepada kanak-kanak prasekolah sebagai satu bentuk penghayatan ke arah pembinaan insan yang cemerlang dunia dan akhirat. Peranan ibu bapa sangat besar dalam membantu guru untuk mendidik anak-anak memahami bahasa Arab yang memberi kepentingan yang besar dalam pembentukan akhlak dan sahsiah kanak-kanak sejak kecil. Kerjasama ibubapa dan guru yang baik akan menghasilkan ‘buah tangan’ yang baik yang dapat dituai hasilnya pada masa akan datang sebagai bakal pemimpin negara. Secara kolektifnya, dua keperluan saling melengkapi proses kemenjadian dan pembentukan satu sistem pendidikan yang holistik iaitu; memenuhi keperluan murid sebagai aset pembentuk generasi transformasi nasional dan keperluan guru sebagai pelaksana dan pemacu falsafah pendidikan kebangsaan yang mantap dengan pengisian kurikulum atau modul yang seragam serta dapat dilaksanakan dengan kaedah pengajaran yang terancang dan terarah.

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri et.al (2012). Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. *Global Journal Al-Thaqafah Gjat.* December 2012. Vol 2 Issue 2. **53**. ISSN : 2232-0474 | E-ISSN : 2232-0482.
- Amini Amir Abdullah (2014). Transformasi Dan Pemeraksanaan Pendidikan Islam Di Malaysia: Isu, Cabaran Dan Penyelesaian, Kongres Ngo-Ngo Islam, 21 Mei 2014, Dectar, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Burnett, C. (2010). Technology and literacy in early childhood educational settings: A review of research. *Journal of Early Childhood Literacy* 2010 10:247. DOI:10.1177/1468798410372154.
- Chua, Y.P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. McGraw-Hill. Kuala Lumpur.
- Cohen, J. (1960). A coefficient of agreement for nominal scales. *Educational and Psychological Measurement*, 20, 37-46.
- Dokumen Standart Bahasa Arab Tahun Satu. (2010). Bahagian Pembangunan Kurikulum: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Dokumen Standart Kurikulum & Pentaksiran Pendidikan Prasekolah. (2016). Bahagian Pembangunan Kurikulum: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Hutchinson, T. & Waters, A. (1987). *English for Specific Purposes*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2010). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Bahagian Perkembangan Kurikulum.
- Kertas Dasar dan Hala Tuju Pendidikan Islam JAIS. (2013). Bahagian Pendidikan Islam: Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).
- Landis, J. R. and Koch, G. G. (1977). An application of hierarchical kappa-type statistics in the assessment of majority agreement among multiple observers. Accepted for publication in *Biometric*.
- Nik Murshidah Nik Din & Normila Noruddin. (2011). Penerapan aspek bahasa, budaya dan pendidikan terhadap buku teks bahasa Arab dalam program J-QAF. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* Jilid 4 (Julai), 2011, 27-4.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. McGraw-Hill Education.
- Norfaezah Hamidin & Idi Hamdi. (2016). Smart Reader Kids Arabic: Inovasi Dalam Pendidikan Prasekolah. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi Edisi Khas* Vol. 3, No.2-1 (Jun 2016) 73 – 84.
- Norfaezah Mohd Hamidin. (2016). Persepsi pelajar, guru dan ibubapa terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di SMKA. Tesis Phd. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Nor Fauzian Binti Kassim & Fauziah Hanim binti Abdul Jalal. (2015). *Kurikulum Pendidikan Awal Kanak-Kanak Dan Modul Pendidikan Akhlak : Isu Dan Cabaran Masa Kini* <https://www.researchgate.net/publication/303381860>
- Nurul Akhma Yahya et. al (2015). Pendidikan Awal Kanak-Kanak Menurut Perspektif Islam. *Proceeding The 7th International Workshop And Conference Of Asean Studies On Islamic And Arabic Education And Civilization*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Richey, R. C. & Klein, J. D. (2007). *Design and developmental research*. New Jersey: Routledge.
- Sharifah Nor Puteh & Kamarul Azman Abd Salam, Tahap Kesiediaan Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Kesannya Terhadap Hasil Kerja dan Tingkah Laku Murid Prasekolah. (2011). *Jurnal Pendidikan Malaysia* 36(1): 25-34

Temubual. (2017). Tadika Dzuliman.

Zamri Ariffin & Al Muslim Mustapa. (2014). Kualiti Guru Bahasa Arab Dalam Konteks Malaysia: Menangani Persoalan Asas. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014. ISBN 978-967-5478-78-9

Zamri dan Noriah. (2003). Analisis Cohen Kappa Dalam Penyelidikan Bahasa: Satu Pengalaman. Kertas Seminar Penyelidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia <http://www.kptg.gov.my/sites/default/files/article/perlembagaanpersekutuan>. 19/12/2017.